



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



MALAYSIA  PRIHATIN

**1 Ogos 2021 - 31 Ogos 2021**

**Pertandingan Melukis**  
**MURAL**  
**@MERDEKA**



## **PERTANDINGAN MELUKIS MURAL@MERDEKA**

Pertandingan bertujuan untuk mencungkil bakat dan menetengahkan kreativiti murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah dalam menghasilkan lukisan mural.

Pertandingan ini sebagai landasan untuk menyemai rasa cinta kepada negara dan membina semangat patriotik dalam kalangan peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama.

## **TARIKH PERTANDINGAN**

**1 Ogos 2021 hingga 31 Ogos 2021**

## **KATEGORI**

Sebanyak 2 kategori melukis mural dipertandingkan.

- i. Kategori A – Sekolah Rendah
- ii. Kategori B – Sekolah Menengah



## TEMA

### Malaysia Prihatin

## SYARAT PENYERTAAN

1. Peserta akan mewakili sekolah mengikut dua (2) kategori yang dipertandingkan iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah.
  2. Peserta dikehendaki melukis mural berdasarkan tema pertandingan dengan memasukkan elemen Malaysia Prihatin dan Rukun Negara.
  3. Lukisan mural mestilah bersaiz A4. Medium yang boleh digunakan adalah bebas sama ada digital atau manual.
  4. Hanya lima (5) penyertaan sahaja yang dibenarkan bagi setiap sekolah.
  5. Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan pada sepuluh (10) lukisan mural yang terbaik.
  6. Sepuluh (10) lukisan mural terbaik akan direalisasikan pada dinding sekolah masing-masing dengan menggunakan peralatan sendiri.
  7. Penilaian akhir akan dilakukan oleh panel juri dengan menghadirkan diri ke sepuluh (10) sekolah yang terpilih.
  8. Penganjur berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan.
  9. Keputusan panel juri adalah muktamad.
-



## CARA UNTUK MENGHANTAR PENYERTAAN

1. Peserta atau wakil sekolah perlu mengisi butiran yang diperlukan dalam google form dengan melayari website [www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my).
  2. Hasil karya perlu dimuat naik dalam google form dengan format JPEG atau PDF (kurang daripada 10MB).
  3. Hanya lima (5) penyertaan sahaja yang dibenarkan bagi setiap sekolah.
  4. Penyertaan hendaklah dihantar sebelum atau pada 31 Ogos 2021, jam 11.59 malam.
  5. Setiap penyertaan akan disertakan dengan e-sijil yang boleh dimuat turun dalam website [www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my).
-



## HAK MILIK DAN PENGGUNAAN

Jabatan Penerangan Malaysia selaku penganjur pertandingan berhak untuk menggunakan lukisan yang dihantar dalam pertandingan ini bagi tujuan promosi, penerbitan atau paparan di media cetak, media elektronik dan media sosial tanpa sebarang notis atau pembayaran royalti kepada para peserta.

*Untuk Sebarang pertanyaan boleh hubungi:*

En. Mohd Shukri bin Abd Razak – 03 8911 7421  
Pn. Nurul Dahlia binti Yahya – 03 8911 7417

atau emel [melukismural.merdeka@gmail.com](mailto:melukismural.merdeka@gmail.com)



## KRITERIA PENJURIAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MARKAH (%)</b>
<b>1</b>	<b>Mengikut Tema</b>	<b>30</b>
<b>2</b>	<b>Kreativiti</b>	<b>30</b>
<b>3</b>	<b>Kekemasan</b>	<b>25</b>
<b>4</b>	<b>Teknik persembahan</b>	<b>15</b>
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

## JADUAL PERTANDINGAN

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
<b>1</b>	<b>1 – 31 Ogos 2021</b>	<b>Pertandingan sedang berlangsung</b>
<b>2</b>	<b>20 September 2021</b>	<b>Pengumuman 10 lukisan mural terbaik (dihubungi oleh pihak penganjur)</b>
<b>3</b>	<b>21 September – 15 Oktober 2021</b>	<b>Merealisasikan lukisan mural di dinding sekolah</b>
<b>4</b>	<b>18 – 22 Oktober 2021</b>	<b>Penjurian pertandingan</b>

---

## HADIAH KATEGORI SEKOLAH RENDAH

<b>JOHAN</b>	<b>WANG TUNAI RM5,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>NAIB JOHAN</b>	<b>WANG TUNAI RM4,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>KETIGA</b>	<b>WANG TUNAI RM3,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>SAGU HATI</b> 7 Pemenang Sagu Hati	<b>WANG TUNAI RM1,500</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>

## HADIAH KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

<b>JOHAN</b>	<b>WANG TUNAI RM6,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>NAIB JOHAN</b>	<b>WANG TUNAI RM5,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>KETIGA</b>	<b>WANG TUNAI RM4,000</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>
<b>SAGU HATI</b> 7 Pemenang Sagu Hati	<b>WANG TUNAI RM1,500</b> <b>SIJIL</b> <b>PLAK</b>



MALAYSIA PRIHATIN